

PR untuk pelabur asing tidak bermakna jual hak kerakyatan: Naib Canselor UMT

SA 7/10/09 mls T7



● SULAIMAN MD YASSIN

KUALA TERENGGANU –

Pelaburan sebanyak AS\$2 juta (RM7.2 juta) oleh warga asing akan memberi suntikan dan keuntungan yang banyak kepada negara selain ia mampu menjana ekonomi

negara.

Naib Canselor Universiti Malaysia Terengganu (UMT), Prof Datuk Dr Sulaiman Md Yassin berkata, keputusan yang diambil oleh kerajaan untuk memberi hak kerakyatan kepada pelabur asing adalah wajar kerana jumlah tersebut bukan satu jumlah yang kecil.

Menurutnya, selain membantu menjana ekonomi negara, sistem bank di negara Malaysia juga turut mendapat suntikan dan ini akan memberi kelebihan dan keuntungan kepada Malaysia.

“Kita perlu berfikir terbuka kerana memberi status Penduduk Tetap (PR) kepada pelabur asing bukan bermakna kita menjual nilai kerakyatan

kepada mereka. Namun ia adalah sebagai langkah untuk menggalakkan lebih ramai pelabur asing untuk datang ke negara kita yang akhirnya akan memberi keuntungan.

“Sebelum memberi kerakyatan kepada mereka, saya percaya kerajaan akan memastikan calon-calon yang berkelayakan sahaja diterima. Bayangkan sekiranya 1,000 orang warga asing melabur di sini, Malaysia akan mendapat suntikan sebanyak RM7 bilion. Ini akan membantu negara kita terutama dalam sektor ekonomi,” katanya.

Sulaiman berkata, pelabur asing yang datang bukanlah sembarangan malah, mereka pasti mempunyai kepakaran

dan kemahiran yang tersendiri.

Katanya, ini memberi kelebihan kepada Malaysia bukan sahaja dalam jangka masa pendek, malah memberi kelebihan dalam jangka masa panjang.

Sementara itu, menurut beliau, jumlah pelabur asing perlu juga ada kawalan jika ekonomi negara kembali pulih kerana bimbang kemungkinan berlaku kebanjiran.

“Mungkin kerajaan boleh meletakkan syarat lebih ketat kepada pelabur asing yang ingin melabur dalam negara kita jika kemasukan mereka lebih daripada yang dihadkan dan mendapati keadaan ekonomi negara semakin baik,” katanya.